

D.R. 23/92

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

**RANG UNDANG-UNDANG
PUSAT JAGAAN 1992**

SUSUNAN FASAL

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Premis, dsb. yang dikecualikan.

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN PUSAT-PUSAT JAGAAN

4. Pusat-pusat jagaan hendaklah didaftarkan.
5. Larangan terhadap pusat-pusat jagaan tak berdaftar.
6. Pendaftaran.
7. Syarat-syarat untuk dikenakan.
8. Daftar pusat-pusat jagaan.
9. Pemeriksaan daftar.
10. Perakuan pendaftaran.
11. Pengkanselan pendaftaran.

BAHAGIAN III

PEGAWAI-PEGAWAI DAN KUASA-KUASA MEREKA

12. Perlantikan pegawai-pegawai.
13. Kuasa-kuasa Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai diberi-kuasa.
14. Kuasa Ketua Pengarah memberi arahan bertulis.
15. Kuasa memerintahkan penutupan pusat jagaan berdaftar.
16. Kuasa memasuki dan memeriksa premis yang disyaki.

Fasal

17. Hak untuk enggan mematuhi jika tiada bukti tentang identiti dan kuasa.

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

18. Kesalahan dan penalti.
19. Kesalahan-kesalahan oleh pertubuhan perbadanan dan oleh pekerja-pekerja dan ejen-ejen.
20. Anggapan.
21. Penjalanan pendakwaan.
22. Rayuan kepada Menteri.
23. Pengecualian.
24. Peraturan-peraturan.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaitaran, pengawalan, dan pemeriksaan pusat-pusat jagaan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pusat Jagaan 1992 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi bahagian-bahagian yang berlainan dalam Malaysia.

Tajuk ringkas
dan mula
berkuatkuasa

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"daftar" ertinya daftar pusat jagaan berkediaman atau daftar pusat jagaan harian, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dikehendaki disimpan di bawah seksyen 8;

"jagaan" termasuk perlindungan, pengawasan, pemutihan dan latihan;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Malaysia;

"pegawai diberikuasa" ertinya seseorang pegawai kebajikan masyarakat atau seseorang pegawai yang dilantik di bawah seksyen 12;

"pengendali", berhubungan dengan sesuatu pusat jagaan berdaftar, ertinya orang yang atas permohonannya pusat itu didaftarkan;

"penghuni", berhubungan dengan sesuatu pusat jagaan berkediaman, ertinya seseorang yang telah diterima untuk jagaan sebagai penghuni di pusat jagaan berkediaman itu;

"pusat jagaan" ertinya pusat jagaan berkediaman dan pusat jagaan harian mengikut pengertian Akta ini;

"pusat jagaan berdaftar" ertinya sesuatu pusat jagaan yang didaftarkan di bawah seksyen 6;

"pusat jagaan berkediaman" ertinya, tertakluk kepada seksyen 3, mana-mana premis di mana empat orang atau lebih diterima untuk jagaan sebagai penghuni-penghuni di dalamnya, sama ada untuk upah atau selatnnya; tetapi dalam hal premis yang dikendalikan atau diuruskan oleh orang sebenar, seseorang yang merupakan saudara kepada orang itu tidak boleh dikira dalam menentukan bilangan orang yang diterima di premis itu bagi maksud-maksud takrif ini;

"pusat jagaan harian" ertinya, tertakluk kepada seksyen 3, mana-mana premis di mana empat orang atau lebih diterima untuk jagaan selama suatu tempoh berterusan yang melebihi tiga jam sehari di antara matahari terbit hingga matahari terbenam, dan selama sekurang-kurangnya tiga hari seminggu. sama ada untuk upah atau selatnnya; tetapi dalam hal premis yang dikendalikan atau diuruskan oleh orang sebenar, seseorang yang merupakan saudara kepada orang itu tidak boleh dikira dalam menentukan bilangan orang yang diterima di premis itu bagi maksud-maksud takrif ini;

"saudara" ertinya penjaga di sisi undang-undang bagi orang yang berkenaan, alau seseorang yang, sama ada

melalui pertalian darah, persemendaan, atau pengangkatan di sisi undang-undang, adalah menjadi kepada orang yang berkenaan, atau berkedudukan berhubungan dengan orang yang berkenaan seperti, bapa, ibu, anak, adik, abang, kakak, datuk, nenek, cucu, bapa saudara, ibu saudara, atau anak saudara.

3. Akta ini tidaklah terpakai bagi—

- (a) mana-mana hospital kerajaan, atau mana-mana hospital persendirian yang dilesenkan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971; Premis. dsb. yang dikecualikan
Akta 43.
- (b) mana-mana institusi atau premis yang tertakluk kepada kawalan di bawah, dan ditubuhkan, didaftarkan, dikendalikan, atau diuruskan dengan sahnya mengikut, Akta Pendidikan Akta 43161. 1961;
- (c) mana-mana taman asuhan kanak-kanak yang didaftarkan di bawah Akta Taman Asuhan Akta 308 Kanak-Kanak 1984;
- (d) mana-mana institusi atau premis bagi rawatan, pemulihan, atau jagaan lanjutan penagih-penagih dadah, yang ditubuhkan atau dikendalikan dengan sahnya di bawah Akta Akta 283 Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983;
- (e) mana-mana institusi atau premis yang dikendalikan atau diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan atau sesuatu Kerajaan Negeri; atau
- (f) mana-mana institusi atau premis yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan atau sesuatu Kerajaan Negeri bagi perumahan atau jagaan sementara orang-orang apabila berlaku apa-apa kejadian yang menimbulkan darurat, atau demi kepentingan keselamatan awam.

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN PUSAT-PUSAT JAGAAN

- 4. Tiap-tiap pusat jagaan hendaklah didaftarkan di bawah Akta ini.** Pusat-pusat jagaan hendaklah didaftarkan.

Larangan terhadap pusat-pusat jagaan tak berdaftar.

5. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), tiada seorang pun boleh mengendalikan atau mengambil bahagian dalam pengurusan sesuatu pusat jagaan yang tidak didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesaiahan berterusan, boleh sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu berterusan.

(3) Jika sesuatu pusat jagaan sedang dikendalikan sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, tidaklah menjadi kesalahan di bawah seksyen ini bagi mana-mana orang mengendalikan atau mengambil bahagian dalam pengurusan pusat jagaan itu—

- (a) semasa tempoh enam bulan dari tarikh itu; dan
- (b) jika permohonan untuk pendaftaran pusat jagaan itu dibuat dalam tempoh yang tersebut dalam perenggan (a), maka semasa suatu tempoh selanjutnya selepas berakhirnya tempoh itu sehingga habisnya tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemohon diberitahu tentang keputusan enggan mendaftarkan pusat jagaan itu; dan
- (c) jika pemohon merayu kepada Menteri di bawah seksyen 22 dalam tempoh tiga puluh hari tersebut, maka semasa suatu tempoh selanjutnya selepas berakhirnya tempoh itu sehingga tarikh pemohon diberitahu tentang keputusan menolak rayuan itu.

Pendaftaran.

6. (1) Sesuatu permohonan untuk pendaftaran sesuatu pusat jagaan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan.

(2) Ketua Pengarah boleh mendaftar atau boleh enggan mendaftar mana-mana pusat jagaan.

(3) Bagi maksud menimbang sesuatu permohonan untuk pendaftaran sesuatu pusat jagaan, Ketua Pengarah boleh—

- (a) mernasuki dan memeriksa premis pusat jagaan itu untuk mernastikan bahawa pusat itu mematuhi segala kehendak undang-undang dan mana-mana pihak berkuasa berhubungan dengan binaan bangunan dan keselamatan kebakaran, dan bahawa pusat itu dilengkapi dan disenggarakan dengan cukup dan sesuai; dan
- (b) menghendaki pemohon itu memberi kepadanya apa-apa maklumat dan butir-butir sebagaimana yang perlu untuk dia menentukan permohonan itu.

(4) Tanpa menjejaskan keluasan kuasa-kuasanya di bawah subseksyen (2), Ketua Pengarah boleh enggan mendaftar mana-mana pusat jagaan jika apa-apa kehendak undang-undang berhubungan dengan pengendalian pusat jagaan itu atau berhubungan dengan premis-premisnya belum dipatuhi.

7. Ketua Pengarah, apabila mendaftar sesuatu pusat jagaan, boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya layak dan sesuai, termasuklah syarat-syarat—

Syarat-syarat untuk dikenakan.

- (a) yang menghadkan bilangan orang yang boleh diterima di pusat jagaan itu pada bila-bila masa;
- (b) untuk memastikan bahawa mana-mana orang yang diambil kerja di pusat jagaan itu, sama ada dalam pengurusannya atau selainnya, adalah orang yang layak dan sesuai, sama ada tentang umur atau selainnya, untuk diambil kerja di pusat jagaan itu;
- (c) untuk memastikan bahawa pusat jagaan itu akan dilengkapi secukupnya, dari segi kakitangan, dengan secukup bilangan orang yang mempunyai kelayakan atau pengalaman yang sesuai;

- (d) untuk memastikan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan bagi jagaan, kawalan, penyeliaan, layanan, dan latihan penghuni-penghuni atau orang-orang yang diterima untuk jagaan di pusat jagaan itu diberi dengan baik;
- (e) untuk memastikan bahawa diet yang cukup dan seimbang dan rehat dan rekreasi yang cukup disediakan di pusat jagaan itu;
- (f) untuk memastikan bahawa pusat jagaan itu akan dilengkapi dan disenggarakan dengan cukup dan sesuai khususnya demi kepentingan kesihatan;
- (g) untuk memastikan bahawa perkiraan-perkiraan yang cukup akan dibuat untuk rawatan perubatan, fisioterapi, psikoterapi, terapi pekerjaan atau apa-apa rawatan lain yang sesuai dan wajar, dalam masa yang munasabah, berkenaan dengan apa-apa penyakit yang dihadapi oleh penghuni-penghuni atau orang-orang yang diterima untuk jagaan di pusat jagaan;
- (h) untuk memastikan pematuhan di pusat jagaan itu akan apa-apa kehendak undang-undang atau mana-mana pihak berkuasa berhubungan dengan binaan bangunan, langkah-langkah berjaga-jaga kebakaran, kesihatan, sanitasi, dan keselamatan;
- (i) yang menghendaki pembayaran sejumlah wang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah sebagai deposit jaminan untuk memastikan pematuhan oleh pengendali akan peruntukan-peruntukan Akta, peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 24, dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen ini, dan untuk perlindungan dan demi kepentingan penghuni-penghuni dan orang-orang yang diterima untuk jagaan di pusat jagaan.

8. (1) Ketua Pengarah hendaklah memastikan supaya disimpan, dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang dinyatakan olehnya, —

Daftar pusat
pusat jagaan.

- (a) suatu daftar pusat-pusat jagaan berkediaman; dan
- (b) suatu daftar pusat-pusat jagaan harian,

yang didaftarkan di bawah Akta ini yang mengandungi, berkenaan dengan setiap pusat jagaan—

- (i) nama dan alamat pengendali pusat jagaan itu;
- (ii) nama dan alamat pusat jagaan itu; dan
- (iii) apa-apa butir lain sebagaimana difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah.

(2) Suatu salinan bagi atau cabutan daripada sesuatu catatan dalam daftar itu yang berupa sebagai diperakui di bawah tandatangan Ketua Pengarah hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, diterima dalam keterangan sebagai bukti fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya sebagaimana pada tarikh perakuan itu.

9. Mana-mana orang boleh, atas permohonan secara bertulis kepada Ketua Pengarah dan setelah membayar fee yang ditetapkan, memeriksa daftar itu dalam masa waktu pejabat.

Pemeriksaan
daftar

50. (1) Setelah sesuatu pusat jagaan didaftarkan, Ketua Pengarah hendaklah, apabila dibayar fee yang ditetapkan, mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran dalam bentuk yang ditetapkan berkenaan dengan pusat jagaan itu, dan perakuan itu hendaklah menyatakan nama dan alamat pengendali pusat jagaan itu, nama dan alamat pusat jagaan itu, dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen 7.

Perakuan
pendaftaran.

(2) Perakuan pendaftaran itu hendaklah dikluarkan kepada pengendali pusat jagaan itu dan tidak boleh dipindahkan.

(3) Pendaftaran sesuatu pusat jagaan dan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan berkenaan dengannya adalah sah untuk dua belas bulan kalendar.

(4) Sesuatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan berkenaan dengan sesuatu pusat jagaan hendaklah sentiasa ada untuk pemeriksaan oleh seseorang pegawai diberikuasa, yang boleh menghendaki pengemukaannya di pusat jagaan yang berkenaan pada bila-bila masa.

Pengkanselan
pendaftaran.

11. Ketua Pengarah boleh mengkanselkan pendaftaran sesuatu pusat jagaan—

- (a) jika telah berlaku apa-apa pelanggaran, atau ketidakpatuhan kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 24 atau apa-apa syarat yang dikenakan di bawah seksyen 7;
- (b) jika pengendali pusatjagaan itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud atau keburukan akhlak;
- (c) jika ternyata kepadanya bahawa pusatjagaan itu telah terhenti daripada dikendalikan sebagai demikian, atau terhenti wujud, atau terhenti daripada terlelak di bawah kawalan pengendalinya; atau
- (d) jika pengendalinya memohon supaya pendaftaran itu dikansel.

BAHAGIAN III

PEGAWAI-PEGAWAI DAN KUASA-KUASA MEREKA

Perlantikan
pegawai-
pegawai.

12. Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melantik sekian bilangan pegawai yang difikirkannya perlu bagi maksud-maksud Akta ini.

Kuasa-kuasa
Ketua
Pengarah dan
pegawai-
pegawai
diberikuasa

13. (1) Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai diberikuasa boleh pada bila-bila masa memasuki dan memeriksa mana-mana premis yang digunakan sebagai atau bagi sesuatu pusat jagaan berdaftar untuk menentukan sama ada—

- (a) kesihatan dan kesejahteraan penghuni-penghuni dan orang-orang yang diterima untuk jagaan di pusat jagaan berdaftar itu dijaga dengan memuaskan;

- (b) daftar-daftar, rekod-rekod, dan akaun-akaun yang sepatutnya ada disenggarakan;
 - (c) kelengkapan yang cukup dan sesuai ada dibekalkan;
 - (d) premis itu disenggarakan dengan baik tentang keadaan binaannya dan tentang kebersihan dan sanitasinya;
 - (e) langkah-langkah berjaga-jaga yang cukup ada diambil terhadap kebakaran dan kejadian-kejadian lain yang berkemungkinan membahayakan nyawa atau kesihatan penghuni-penghuni dan orang-orang yang diterima untuk jagaan di pusat jagaan berdaftar itu;
 - (f) peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 24 dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen 7 telah, dan sedang, dipatuhi;
 - (g) pada amnya, pusat jagaan berdaftar itu sedang dikendalikan dan diuruskan dengan memuaskan.
- (2) Dalam menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen ini Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberikuasa boleh—
- (a) mengemukakan soalan-soalan tentang pengurusan pusat jagaan berdaftar itu kepada pengendalinya atau mana-mana orang yang menjaga atau mengambil bahagian dalam pengurusan, atau yang bekerja di, pusat jagaan berdaftar itu, dan semua orang sedemikian adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab dengan benar soalan-soalan demikian sedaya upaya mereka; dan
 - (b) menghendaki mana-mana orang sedemikian supaya mengemukakan kepadanya apa-apa rekod yang dikehendaki supaya disimpan di bawah Akta ini atau apa-apa rekod berhubungan dengan pusat jagaan berdaftar itu, dan boleh menyitanya dan mengambil salinan-salinan baginya.

Kuasa Ketua Pengarah memberi arahan bertulis.

14. (1) Ketua Pengarah boleh, berkenaan dengan mana-mana pusat jagaan berdaftar, memberi apa-apa arahan bertulis, konsisten dengan Akta ini, peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 24, dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen 7, sebagaimana yang di fikirkannya perlu untuk memastikan bahawa—

- (a) ia dikendalikan dan diuruskan dengan memuaskan;
- (b) kebajikan penghuni-penghuninya atau orang-orang yang diterima untuk jagaan dimajukan dengan cara yang sepatutnya;
- (c) radas dan kelengkapan secukupnya yang perlu untuk memberi perlindungan daripada kebakaran ada dibekalkan di dalamnya; dan
- (d) peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 24 dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen 7 dipatuhi.

(2) Sesuatu arahan di bawah subseksyen (1)—

- (a) hendaklah disampaikan kepada pengendali pusat jagaan itu; dan
- (b) hendaklah menyatakan suatu tempoh masa, yang tidak boleh kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh penyampaian arahan itu, dalam mana arahan itu hendaklah dipatuhi.

(3) Jika rayuan dibuat kepada Menteri di bawah seksyen 22 terhadap sesuatu arahan di bawah subseksyen (1) dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian arahan itu, maka kuatkuasa arahan itu adalah tertangguh dan jika Menteri mengesahkan arahan itu, arahan itu hendaklah dipatuhi dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri.

Kuasa memerintahkan penutupan pusat jagaan berdaftar

15. (1) Jika—

- (a) ternyata kepada Ketua Pengarah bahawa ada apa-apa bahaya atau kemungkinan bahaya kepada mana-mana orang dalam mana-mana premis sesuatu pusat jagaan berdaftar; atau

- (b) berkenaan dengan mana-mana premis sesuatu pusat jagaan berdaftar, sesuatu arahan di bawah seksyen 14 tidak dipatuhi dalam tempoh masa yang dinyatakan di bawah atau menurut subseksyen (2) (b) atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, subseksyen (3) seksyen itu,

Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, memerintahkan supaya premis itu hendaklah terhenti daripada digunakan sebagai atau bagi sesuatu pusat jagaan bagi apa-apa tempoh sebagaimana difikirkannya perlu, atau sehingga notis selanjutnya.

(2) Sesuatu perintah di bawah seksyen ini hendaklah disampaikan kepada pengendai pusat jagaan berdaftar itu dan hendaklah mula berkuatkuasa dari suatu tarikh yang berikutan selepas sahaja hari terakhir bagi tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyampaian perintah itu atau, jika pengendai itu merayu kepada Menteri di bawah seksyen 22 terhadap perintah itu dalam tempoh itu dan Menteri mengesahkan perintah itu, dari tarikh keputusan Menteri diberitahu kepada pengendai itu.

(3) Penyampaian sesuatu perintah di bawah seksyen ini adalah cukup jika—

- (a) ia dihantarserah sendiri kepada pengendai pusat jagaan berdaftar yang berkenaan itu; atau
- (b) ia dihantar melalui pos berdaftar kepada alamat terakhirnya yang diketahui; atau
- (c) satu salinannya ditampalkan di sesuatu tempat yang mudah dilihat pada atau dalam premis yang dimaksudkan olehnya.

16. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberikuasa boleh pada bila-bila masa yang munasabah memasuki dan memeriksa mana-mana premis yang semunasabahnya disyaki sedang digunakan sebagai atau bagi suatu pusat jagaan yang tidak di daftarkan di bawah Akta ini dan boleh membuat apa-apa siasatan di dalamnya sebagaimana yang difikirkannya perlu.

Kuasa memasuki dan memeriksa premis yang disyaki.

(2) Dalam menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen ini Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberikuasa boleh—

- (a) mengemukakan soalan-soalan tentang pengurusan premis itu kepada mana-mana orang yang menjaga atau mengambil bahagian dalam pengurusan, atau yang bekerja di, premis itu, dan semua orang sedemikian adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab dengan benar soalan-soalan demikian sedaya upaya mereka; dan
- (h) menghendaki mana-mana orang sedemikian supaya mengemukakan kepadanya apa-apa rekod berhubungan dengan premis itu, dan boleh menyitanya dan mengambil salinan-salinan baginya.

Hak untuk enggan mematuhi jika tiada bukti tentang identiti dan kuasa.

17. Mana-mana orang boleh enggan mematuhi apa-apa kehendak atau perintah Ketua Pengarah atau seseorang pegawai diberikuasa yang bertindak di bawah Akta ini jika Ketua Pengarah atau pegawai diberikuasa itu enggan, apabila diminta, mengemukakan bukti tentang identiti dan kuasanya.

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

Kesalahan dan penalti

18. Mana-mana orang yang—

- (a) mengendalikan atau mengambil bahagian dalam pengurusan sesuatu pusat jagaan berdaftar dalam mana-mana premis selain daripada premis yang dinyatakan dalam perakuan pendaftaran pusat jagaan berdaftar itu;
- (h) mengendalikan atau mengambil bahagian dalam pengurusan sesuatu pusat jagaan yang di-kendalikan dengan apa-apa nama selain daripada nama dengan mana ia didaftarkan;
- (c) dalam atau berkaitan dengan apa-apa permohonan di bawah Akta ini membuat apa-apa pernyataan atau memberi apa-apa

PUSAT JAGAAN

maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, yang adalah palsu, atau yang dia mengetahui atau semunasabahnya patut mengetahui adalah palsu, tentang apa-apa butir material;

- (d) menghalang Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberikuasa dalam perjalanan mana-mana kuasanya di bawah Akta ini;
- (c) enggan mengemukakan apa-apa rekod apabila dikehendaki berbuat demikian di bawah seksyen 13 atau 16, atau enggan menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya di bawah seksyen 13 atau 16, atau memberi sesuatu jawapan yang adalah palsu, atau yang dia mengetahui atau semunasabahnya patut mengetahui adalah palsu, tentang apa-apa butir material; atau
- (f) gagal mematuhi sesuatu perintah di bawah seksyen 15,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

19. (1) Jika apa-apa kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 24 atau apa-apa syarat yang dikenakan di bawah seksyen 7 telah dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan, maka mana-mana orang yang pada masa perlakuan kesalahan itu adalah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu atau mana-mana orang yang berupa bertindak atas apa-apa sifat sedemikian, atau mana-mana orang yang dalam apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan mana-mana hal ehwal pertubuhan perbadanan itu, atau membantu dalam pengurusan sedemikian, adalah melakukan suatu kesalahan melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan usaha untuk mencegah berlakunya kesalahan itu sebagaimana

Kesalahan-kesalahan oleh pertubuhan perbadanan dan oleh pekerja-pekerja dan ejen-ejen

yang sepatutnya telah dijalankan olehnya memandangkan jenis fungsi-fungsi atas sifat itu dan memandangkan semua hal keadaan.

(2) Jika mana-mana orang (dalam subseksyen ini disebut "'prinsipal") boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti di bawah Akta ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejennya itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh pekerja prinsipal dalam perjalanan pekerjaannya, atau oleh ejen apabila bertindak bagi pihak prinsipal. atau oleh pekerja ejen itu dalam perjalanan pekerjaannya dengan ejen itu atau setainnya bagi pihak ejen itu.

Anggapan. 20. Dalam mana-mana pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, jika dibuktikan bahawa mana-mana orang telah melakukan apa-apa perbuatan berkaitan dengan pengelolaan, pengendalian, atau pengurusan sesuatu pusat jagaan, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang itu telah mengambil bahagian dalam pengurusan pusat jagaan itu.

Penjalanan pendakwaan. 21. Mana-mana pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dijalankan oleh seseorang pegawai diberikuasa.

Rayuan kepada Menteri 22. Mana-mana orang yang terkilang dengan apa-apa keputusan atau tindakan Ketua Pengarah di bawah Akta ini boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh dia diberitahu tentang keputusan atau tindakan itu, merayu secara bertulis kepada Menteri, dan keputusan Menteri adalah muktamad.

Pengecualian. 23. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, mengecualikan mana-mana pusat jagaan atau mana-mana kelas, kategori atau perihalan pusat jagaan daripada mana-mana peruntukan

PUSAT JAGAAN

Akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya, jika Menteri berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan khas, dan bahawa ia tidaklah berlawanan dengan kepentingan awam, untuk berbuat demikian.

24. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk melaksanakan maksud-maksud Akta ini. Peraturan
peraturan

(2) Khususnya dan tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan di bawah seksyen ini boleh mengadakan peruntukan bagi kesemua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) pengendalian, pengurusan, dan pengawasan pusat-pusat jagaan berdaftar;
- (b) tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab pengendali-pengendali pusat-pusat jagaan berdaftar;
- (c) kelayakan, pengalaman, perlantikan, tugas-tugas, tanggungjawab-tanggungjawab, dan tata tertib orang-orang yang terlibat dalam pengendalian, pengurusan, dan pengawasan pusat-pusat jagaan berdaftar;
- (d) penjagaan kesihatan dan pemakanan penghuni-penghuni dan orang-orang yang diterima untuk jagaan di pusat-pusat jagaan berdaftar;
- (e) pendaftaran orang-orang yang diambil kerja dalam pusat-pusat jagaan berdaftar;
- (f) penyimpanan dan penyenggaraan daftar-daftar dan rekod-rekod lain berkenaan dengan pusat-pusat jagaan berdaftar, dan berkenaan dengan penghuni-penghuninya dan orang-orang yang diterima untuk jagaan di situ;
- (g) kehendak-kehendak minimum yang kena dipatuhi oleh pusat-pusat jagaan berdaftar, termasuk kehendak-kehendak sanitari, bekalan air, kehendak-kehendak tentang kelengkapan, dan kehendak-kehendak berkenaan dengan kesihatan;

RANG UNDANG-UNDANG

- (h) borang-borang yang kena digunakan dan maklumat yang kena diberi bagi apa-apa maksud Akta ini;
- (i) pengeluaran perakuan-perakuan. dan pengeluaran saliran-salinan perakuan jika perakuan-perakuan asal telah hilang atau musnah;
- (j) fee-fee yang kena dibayar di bawah Akta ini; dan
- (k) apa-apa perkara yang dikehendaki atau yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan, dan pemeriksaan pusat-pusat jagaan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan. Pusat jagaan ditakrifkan sebagai pusat jagaan berkediaman dan pusat jagaan harian mengikut pengertian Akta. Pusat jagaan berkediaman ditakrifkan dalam *fasal 2* sebagai mana-mana premis di mana empat orang atau lebih (bukan saudara) diterima untuk jagaan sebagai penghuni-penghuni di dalamnya. sama ada untuk upah atau selainnya. Pusat jagaan harian ditakrifkan sebagai mana-mana premis di mana empat orang atau lebih (bukan saudara) diterima untuk jagaan bagi suatu tempoh berterusan yang melebihi tiga jam sehari di antara matahari terbit dan matahari terbenam, dan bagi sekurang-kurangnya tiga hari dalam seminggu, sama ada untuk upah atau selainnya. *Fasal 3* menyatakan tempat-tempat yang baginya Rang Undang-Undang ini tidak terpakai.

2. Bahagian II memperkatakan perkara-perkara berhubungan dengan pendaftaran. Di bawah *fasal 5* adalah menjadi kesalahan untuk mengendalikan atau mengambil bahagian dalam pengurusan sesuatu pusat jagaan yang tidak berdaftar, tetapi terdapat kelonggaran berkenaan dengan pusat-pusat jagaan yang sedia ada. Pihak berkuasa pendaftaran ialah Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Malaysia, yang kepadanya permohonan untuk pendaftaran kena dibuat (*fasal 6*). Di bawah *fasal 7* Ketua Pengarah diberi kuasa untuk mengenakan syarat-syarat apabila mendaftarkan sesuatu pusat jagaan. *Fasal 8* menghendaki supaya disimpan suatu daftar pusat-pusat jagaan berkediaman serta juga daftar pusat-pusat jagaan harian dan *fasal 9* memberi kepada orang ramai hak untuk

PUSAT JAGAAN

memeriksa daftar-daftar itu. *Fasal 10* mengadakan peruntukan bagi pengeluaran perakuan-perakuan pendaftaran dan bagi perkara-perkara berhubungan dengan perakuan-perakuan demikian dan *fasal 11* menyatakan hal-hal keadaan daiam mana pendaftaran boleh dikansel.

3. Bahagian III mengandungi peruntukan-peruntukan berhubungan dengan pegawai-pegawai dan kuasa-kuasa mereka. *Fasal 12* memberi kepada Menteri kuasa untuk melantik pegawai-pegawai bagi maksud-maksud Rang Undang-Undang ini, yang akan dikenali sebagai "pegawai diberikuasa" (*lihat* takrif dalam *fasal 2*). Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai diberikuasa adalah diberi kuasa untuk memasuki dan memeriksa premis pusat-pusat jagaan berdaftar (*fasal 13*) serta juga premis yang semunasabahnya disyaki sedang digunakan sebagai atau bagi sesuatu pusat jagaan yang tidak berdaftar (*fasal 16*). Dalam menjalankan pememksaan demikian, mereka boleh mengemukakan soalan-soalan dan menghendaki pengemukaan rekod-rekod. *Fasal 14* memben kepada Ketua Pengarah kuasa untuk nmemberi arahan-arahan bertulis berkenaan dengan mana-mana pusat jagaan berdaftar demi kebaikan pusat itu dan penghuni-penghuninya dan orang-orang yang diterima untuk jagaan di pusat itu. Kegagalan mematuhi scsuaat arahan akan menjadi suam alasan bagi Ketua Pengarah memerintahkan, di *bawah fasal 15*, penutupan sesuatu pusat jagaan berdaftar. Sesuatu perintah di *bawah fasal 15* boleh juga dibuat jika terdapat bahaya kepada mana-mana orang dalam mana-mana premis sesuatu pusat jagaan berdut"tar.

4. Bahagian IV mengandungi peruntukan-peruntukan pelbagai termasuklah peruntukan-peruntukan yang mewujudkan kesalahan-kesalahan (*fasal 18*), kesalahan-kesalahan oleh pertubuhan perbadanan dan oleh pekerja-pekerja dan ejen-ejen (*fasal 19*), yang memberi hak merayu kepada Menteri (*fasal 22*), yang memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana pusat jagaan, atau mana-mana kelas, kategori atau perihalan pusat jagaan (*fasal 23*), dan memberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan (*fasal 24*).

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1601.]